

**MESYUARAT JAWATANKUASA  
NAIB CANSOLOR / REKTOR IPTA KE 15 / 2010**

**Teks Ucapan Aluan**

***BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN***

**Naib Canselor**

**Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**

pada 4 Januari 2011, di Bilik Sumber PPK Mekatronik  
UniMAP, Ulu Pauh, Perlis.

Bismillah hirrahman nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang berusaha pengacara majlis,

Yang Berbahagia Naib - Naib Canselor dan Rektor - Rektor  
Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA),

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor  
Penyelidikan dan Inovasi UniMAP,

Wakil-wakil Naib - Naib Canselor dan Rektor - Rektor Institusi  
Pengajian Tinggi Awam (IPTA)

Pegawai-pegawai Utama Universiti, Dekan-dekan, Ketua-Ketua  
Jabatan,

Seterusnya para hadirin sekalian.

Marilah kita bersama menadah tangan mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya, dapat kita berkumpul di Kampus Tetap Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bagi menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor / Rektor Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ke – 15 yang baru sahaja selesai sebentar tadi. Terima kasih juga saya ucapkan buat pihak penganjur majlis kerana berjaya melaksanakan majlis ini dalam keadaan teratur dan berjalan lancar tanpa sebarang kecacatan. Saya berharap agar segala usaha anda ini akan mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T. Amin.

Sekalung penghargaan saya titipkan buat pihak Majlis Mesyuarat Naib Canselor / Rektor Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang memilih dan memberi peluang kepada UniMAP untuk menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat yang diadakan ini. Ini merupakan satu penghargaan bagi sebuah universiti yang masih baru kerana mendapat kepercayaan untuk menjadi tuan rumah mesyuarat ini dan saya mewakili seluruh warga UniMAP ingin mengucapkan 'Selamat Datang' kepada semua Naib Canselor dan Rektor IPTA ke UniMAP dan juga negeri Perlis.

Yang Berbahagia Dato', Prof., Dr., Prof. Madya,

Saya berasa sangat berbesar hati menerima kedatangan anda semua di sini kerana ini sekaligus memberi peluang dan

kesempatan kepada saya untuk memperkenalkan Kampus Tetap UniMAP kepada anda sekalian. Seperti yang kita sedia maklum, UniMAP sebenarnya dikenali dengan Kampus Teragih atau 'Distributed Campus' dimana lokasi kampus UniMAP ini berada di seluruh negeri Perlis. Sekarang ditapak Ulu Pauh ini, kita telah membangunkan kampus tetap UniMAP yang sebahagiannya telahpun beroperasi dan sebahagiannya lagi masih dalam proses binaan mengikut fasa yang telah ditetapkan. InsyaAllah, satu hari nanti apabila pembinaan ini lengkap dilaksanakan, kita akan dapat menyaksikan satu perubahan besar yang bakal berlaku kepada lanskap negeri Perlis ini. InsyaAlah.

Yang Berbahagia Dato', Prof., Dr., Prof. Madya,

Pelbagai agenda telah kita bincangkan dalam mesyuarat yang baru sahaja selesai sebentar tadi. Seperti yang kita maklum, Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor / Rektor Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ini menghimpunkan semua Naib Canselor dan Rektor IPTA serta wakil bagi membincangkan hala tuju sesebuah universiti dan tindakan yang perlu diambil bagi memastikan peningkatan kualiti sesebuah universiti ini.

Saya berharap agar isu-isu yang dibangkitkan dalam mesyuarat sebentar tadi akan segera mendapat perhatian semua pihak agar kita dapat bersama-sama mengembleng tenaga bagi memastikan peningkatan IPTA yang kita terajui ini. Semoga Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor / Rektor Institusi Pengajian Tinggi

Awam (IPTA) akan diadakan sekerap mungkin bagi memastikan pelbagai isu dan perkara berbangkit dapat dikongsi dan segala permasalahan yang timbul dapat diselesaikan melalui musyawarah sesama kita.

Yang Berbahagia Dato', Prof., Dr., Prof. Madya,

Rasanya tidak perlulah untuk saya bercakap panjang pada tengahari ini. Harapan saya agar kita dapat bertemu sekali lagi dalam mesyuarat yang akan datang dengan pelbagai agenda dalam memastikan peningkatan kualiti IPTA ini. Sebelum saya mengundurkan diri izinkan saya untuk menyampaikan serangkap pantun,

Minit dicatat sebagai ingatan,  
Untuk pembangunan universiti tercinta,  
Amanah dipikul penuh keikhlasan,  
Bagi memastikan kualiti tercipta.

Ikan ditangkap menggunakan tangan,  
Kemudian dimasak pelbagai cara,  
Tersedia di meja, segala hidangan,  
Silalah jemput, menjamu selera.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.